

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 SEPTEMBER 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 13

Kadar inflasi negara meningkat

Kadar inflasi negara meningkat

FOTO: BERNAMA

Naik kepada 4.7 peratus pada Ogos berbanding 4.4 peratus pada Julai 2022

PUTRAJAYA



MUSTAPA

Kadar inflasi negara meningkat 3.1 peratus bagi tempoh Januari hingga Ogos 2022, selari dengan jangkaan pasaran sebanyak 3.2 peratus bagi tahun ini, didorong oleh permintaan dalam negara yang kukuh, harga komoditi yang masih tinggi dan gangguan dalam rantaian bekalan global, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Beliau berkata, bagi Ogos 2022, kadar inflasi negara meningkat sedikit kepada 4.7 peratus berbanding 4.4 peratus pada Julai 2022 dan kadar inflasi masih tinggi berikutan fenomena global yang turut dialami oleh kebanyakan negara disebabkan kenaikan input pengeluaran dan harga

bahan api.

"Kadar inflasi Malaysia adalah antara yang paling rendah di dunia. Kadar inflasi pada Ogos 2022 di Zon Euro adalah 9.1 peratus, Amerika Syarikat pada 8.3 peratus, Thailand pada 7.9 peratus, Filipina pada 6.3 peratus dan Republik Korea mencatatkan 5.7 peratus.

"Kadar inflasi yang lebih rendah di Malaysia adalah hasil daripada langkah kerajaan Keluarga Malaysia untuk menyediakan subsidi yang terbesar dalam sejarah negara," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, kenaikan inflasi bagi Ogos 2022 menyederhana kepada 0.2 peratus berbanding 0.4 peratus pada Julai 2022. - Bernama

Kadar Inflasi Januari - Ogos 2022

1. Januari 2022 - 2.3 peratus
2. Februari 2022 - 2.2 peratus
3. Mac 2022 - 2.2 peratus
4. April 2022 - 2.3 peratus
5. Mei 2022 - 2.8 peratus
6. Jun 2022 - 3.4 peratus
7. Julai 2022 - 4.4 peratus
8. Ogos 2022 - 4.7 peratus

- Sumber Pejabat Ketua Perangkawan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia
- Sumber Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)